

## **PROMOSI DEPOSIT TETAP GABUNGAN DENGAN AKAUN SEMASA ATAU SIMPANAN**

### **TEMPOH PROMOSI**

**“Promosi Deposit Tetap Gabungan dengan Akaun Semasa atau Simpanan”** (“Promosi”) oleh Hong Leong Bank Berhad [193401000023 (97141-X)] (“HLB”) bermula pada 4 November 2020 dan berakhir pada 31 Disember 2020, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai Had Saiz Dana seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 13 di bawah mengikut mana yang terdahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### **TERMA & SYARAT**

**Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah:-**

### **KELAYAKAN**

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan yang baru and sedia ada yang merupakan individu atau bukan individu warga Malaysia dan individu atau bukan individu bukan warga Malaysia (“Pelanggan”).
2. Bagi mengelakkan sebarang keraguan:
  - (i) Pelanggan baru bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang Produk dengan HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad’s [200501009144 (686191-W)] (“HLISB”) sebelum Tempoh Promosi.
  - (ii) Pelanggan sedia ada bermaksud pelanggan yang mempunyai sebarang Produk dengan HLB/HLISB sebelum Tempoh Promosi.
  - (iii) Pelanggan bukan individu bermaksud persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tidak berasaskan keuntungan, pemilikan tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang sempurna didaftarkan atau dipertanggungjawabkan di Malaysia, tidak termasuk syarikat dan badan korporat.
3. Akaun Deposit Tetap sertaan (“Akaun FD Sertaan”) untuk Promosi ini adalah seperti berikut:-
  - (a) FD Konvensional;
  - (b) ‘Priority Banking Premium FD’; dan
  - (c) ‘Senior Savers Flexi FD’
4. Akaun Semasa or Akaun Simpanan sertaan (“CASA Sertaan”) untuk Promosi ini adalah seperti berikut:-
  - (a) Akaun Simpanan Asas Hong Leong
  - (b) Akaun Simpanan Hong Leong
  - (c) Akaun Simpanan Harvest Hong Leong
  - (d) Akaun Pay&Save Hong Leong
  - (e) Akaun Top Yield Hong Leong
5. Promosi ini sah bagi Dana Baru sahaja. “Dana Baru” ditakrifkan sebagai:
  - (a) Wang tunai, ‘Financial Process Exchanges’ (“FPX”), Pindahan Segera, GIRO antara bank, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan deposit ke dalam Akaun FD/Deposit Tetap-i (“FD-i”) yang baru dan sedia ada dimiliki oleh Pelanggan dan dibuka dengan HLB/HLISB; dan
  - (b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau ‘Hong Leong Invest Safe’ semasa Tempoh Promosi yang dideposit semula ke dalam mana-mana Akaun Semasa atau Akaun Simpanan (“CASA”) / Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i (“CASA-i”) HLB/HLISB Pelanggan.
6. Untuk tujuan Promosi ini, Dana Baru mesti diletakan dan didepositkan ke dalam Akaun FD Sertaan dan CASA Sertaan Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari dari pemindahan Dana Baru ke FD/FD-i dan CASA/CASA-i Pelanggan.
7. Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai “Dana Baru”:
  - (a) FD / FD-i” yang matang atau pengeluaran pramatang FD/FD-i dari mana-mana akaun FD/FD-i HLB/HLISB yang sedia ada;

- (b) Pindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana dari akaun HLB/HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Simpanan-i, Semasa, Semasa-i, FD, FD-i, Akaun Pelaburan Berjangka-i, Akaun Pelaburan Am ("GIA")); dan
  - (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
8. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB/HLISB atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.
9. Pelanggan yang telah melakukan, atau dikenalpasti oleh HLB/HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam Terma & Syarat ini akan serta-merta terlucut kelayakan daripada menyertai Promosi ini.

### **KAEDAH PROMOSI**

10. Untuk menikmati kadar promosi FD yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah, Pelanggan perlu semasa Tempoh Promosi:-
- (a) deposit amount yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah ke dalam salah satu Akaun FD Sertaan ("**Amaun Peletakan FD**") dengan tempoh FD selama 3-bulan (untuk FD Konvensional) atau 6-bulan (untuk FD Konvensional /'Priority Banking Premium' FD/'Senior Savers Flexi' FD) ("**Tempoh FD**"). Deposit tersebut bermaksud "Peletakan FD"; dan
  - (b) deposit amount yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah ke dalam salah satu CASA Sertaan ("**Amoun Peletakan CASA**") atas nama Pelanggan ("CASA Namaan") dengan minimum peruntukan selama tiga (3) bulan berturut-turut untuk FD Tempoh 3-bulan atau enam (6) bulan berturut-turut untuk FD tempoh 6-bulan ("**Tempoh Peruntukan**"). Deposit tersebut bermaksud "Peletakan CASA".
11. Peletakan dan peruntukkan CASA hendaklah dibuat serentak dengan Peletakan FD semasa Tempoh Promosi. Jika Peletakan CASA dan/atau Peletakan FD dibatalkan, dikeluarkan (sebahagian atau sepenuh) atau dilepaskan dalam Tempoh Peruntukan dan/atau dalam Tempoh FD atas apa jua sebab (kecuali seperti yang diperuntukkan di bawah klausa 18 dan 19 di dalam ini), maka kadar semasa FD akan digunakan bagi keseluruhan Peletakan FD.

Jadual 1

Produk	Tempoh FD	Kadar Promosi FD <sup>1</sup>	Amaun Peletakan	Kadar Efektif <sup>2</sup>				
				Pay&Save	Simpanan Harvest	Simpanan Biasa	Simpanan Asas	Top Yield
FD Konvensional	3-bulan	2.50%p.a.	FD RM10,000 dan CASA RM1,000	2.39% p.a.	2.27% p.a.	2.27% p.a.	2.30% p.a.	2.27% p.a.
			FD RM50,000 dan CASA RM5,000	2.39% p.a.	2.27% p.a.	2.27% p.a.	2.30% p.a.	2.27% p.a.
			FD RM100,000 dan CASA RM10,000	2.39% p.a.	2.27% p.a.	2.27% p.a.	2.30% p.a.	2.27% p.a.
			FD RM200,000 dan CASA RM20,000	2.39% p.a.	2.27% p.a.	2.27% p.a.	2.30% p.a.	2.27% p.a.
			FD RM500,000 dan CASA RM50,000	2.39% p.a.	2.27% p.a.	2.27% p.a.	2.30% p.a.	2.27% p.a.
			FD RM1mil dan CASA RM100,000	2.39% p.a.	2.27% p.a.	2.27% p.a.	2.30% p.a.	2.27% p.a.
			FD RM2mil dan CASA RM200,000	2.33% p.a.	2.27% p.a.	2.27% p.a.	2.30% p.a.	2.27% p.a.
			FD RM5mil dan CASA RM500,000	2.30% p.a.	2.32% p.a.	2.27% p.a.	2.30% p.a.	2.27% p.a.
FD Konvensional, 'Priority Banking Premium' FD, 'Senior Savers Flexi' FD	6-bulan	2.50%p.a.	FD RM10,000 dan CASA RM1,000	2.39% p.a.	2.27% p.a.	2.27% p.a.	2.30% p.a.	2.27% p.a.
			FD RM50,000 dan CASA RM5,000	2.39% p.a.	2.27% p.a.	2.27% p.a.	2.30% p.a.	2.27% p.a.
			FD RM100,000 dan CASA RM10,000	2.39% p.a.	2.27% p.a.	2.27% p.a.	2.30% p.a.	2.27% p.a.
			FD RM200,000 dan CASA RM20,000	2.39% p.a.	2.27% p.a.	2.27% p.a.	2.30% p.a.	2.27% p.a.

			FD RM500,000 dan CASA RM50,000	2.39% p.a.	2.27% p.a.	2.27% p.a.	2.30% p.a.	2.27% p.a.
			FD RM1mil dan CASA RM100,000	2.39% p.a.	2.27% p.a.	2.27% p.a.	2.30% p.a.	2.27% p.a.
			FD RM2mil dan CASA RM200,000	2.33% p.a.	2.27% p.a.	2.27% p.a.	2.30% p.a.	2.27% p.a.
			FD RM5mil dan CASA RM500,000	2.30% p.a.	2.32% p.a.	2.27% p.a.	2.30% p.a.	2.27% p.a.

<sup>1</sup> Sekiranya perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar faedah promosi akan disemak.

<sup>2</sup> Kadar Efektif berbeza mengikut Amaun Peletakan FD, Amaun Peletakan CASA dan jenis CASA Namaan. Sekiranya perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar efektif akan disemak.

<sup>3</sup> Bagi kelayakan untuk mendapat faedah simpanan Pay&Save, Pelanggan hendak meletakkan deposit RM2,000 dalam transaksi tunggal ke dalam Akaun Pay&Save setiap bulan berturut-turut semasa Tempoh Peruntukan.

12. Untuk tujuan promosi ini, pelanggan yang menepati semua kriteria dalam Klausa 10 akan dirujuk sebagai "Pelanggan Layak".
13. Jumlah saiz dana untuk FD masing-masing adalah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 2 di bawah ("Had Saiz Dana").

Jadual 2

Deposit Tetap ("FD")	Had Saiz Dana
Deposit Tetap 3-bulan	RM210 Juta
Deposit Tetap 6-bulan	RM630 Juta

14. Jika Amaun Peletakan FD melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana masing-masing dicapai, Amaun Peletakan FD yang melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar FD semasa seperti yang ditentukan oleh HLB.
15. Tiada Resit FD akan dikeluarkan untuk setiap peletakan FD.
16. Kadar faedah yang diperolehi bagi FD Konvensional dan 'Priority Banking Premium' FD akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang. Manakala kadar faedah yang diperolehi bagi 'Senior Savers Flexi FD' akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Layak pada setiap bulan.
17. Apabila tarikh matang, Amaun pokok Peletakan FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa FD masing-masing dan kadar faedah yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Layak pada setiap bulan dan / atau pada tarikh matang, mengikut kesesuaian.
18. Tertakluk kepada Klausa 20 di dalam ini, bagi 'Priority Banking Premium FD' dan 'Senior Savers Flexi FD', pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) sahaja**. Walau bagaimanapun, jika baki dalam 'Priority Banking Premium FD' dan/atau 'Senior Savers Flexi FD' kurang daripada **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut. Walau bagaimanapun, Amaun Peletakan CASA mesti dikekalkan dalam Tempoh Peruntukan.
19. Tertakluk kepada Klausa 20 di dalam ini, bagi FD Konvensional, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) sahaja**. Jika, baki dalam FD Konvensional kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut. Walau bagaimanapun, Amaun Peletakan CASA mesti dikekalkan dalam Tempoh Peruntukan.
20. Jika Amaun Peletakan FD dikeluarkan sebelum tarikh matang Tempoh FD, sama ada sepenuh atau sebahagian, faedah tidak akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang FD.
21. HLB berhak menolak balik dan debit amaun setara dengan faedah yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi Amaun Peletakan FD yang dikeluarkan sebelum tarikh matang dari Akaun FD Sertaan.
22. Amaun Peletakan FD tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak.
23. Promosi ini tidak disahkan dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh HLB dari semasa ke semasa.

## UMUM

24. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
- (i) telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Akaun bagi Deposits and Deposit Perbankan Islam;
  - (ii) keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan;
  - (iii) mengakses Laman Sesawang HLB [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("**Laman Sesawang HLB**") secara kerap untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma & Syarat;
  - (iv) faedah yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek ataupunfaat semacamnya; dan
  - (v) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
25. HLB berhak:
- (i) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan oleh HLB dianggap sesuainya daripada menyertai Promosi ini;
  - (ii) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian Terma & Syarat terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini atas budi bicara HLB, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Sesawang HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB, pada bila-bila masa dengan memberi notis awal; dan
  - (iii) membatalkan faedah yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Akaun bagi Deposits and Deposit Perbankan Islam.
26. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma & Syarat Umum Akaun bagi Deposits and Deposit Perbankan Islam hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dan Terma & Syarat Umum Akaun bagi Deposits and Deposit Perbankan Islam, maka Terma dan Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
27. Jika terdapat percanggahan antara terma dan syarat dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Sesawang HLB akan diutamakan.
28. Terma & Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
29. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Produk Deposit dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**